

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 Jun 2009

SOALAN

YB Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (Padang Serai) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengapa wang kebajikan untuk penerima selalunya tidak tepat pada waktunya dan apakah sebab penerima terpaksa menunggu sehingga 3 bulan untuk mendapatkan wang tersebut sedangkan wang tersebut patut di terima pada tiap-tiap bulan.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menjadikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, cepat, dan berkesan kepada kumpulan sasar termasuk bayaran bantuan kebajikan sebagai agenda utama pengurusan. Berdasarkan kepada, dengan izin 'Standard Operating Procedures (SOP)' semasa, Kementerian melalui JKM menjalankan sisatan ke atas semua kes yang dirujuk untuk mendapat bantuan dalam tempoh dua bulan dan sekiranya didapati memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan layak diberi bantuan, maka bayaran akan dibuat dalam tempoh satu bulan. Tuan Yang di-Pertua, Pada bulan-bulan berikutnya, penerima bantuan kebajikan akan menerima bantuan mereka secara terus menerus sehingga tempoh kajian semula kes dibuat selepas 12 bulan. Saya berharap dengan penjelasan ini Ahli Yang Berhormat memahami proses pembayaran bantuan kebajikan JKM kepada penerima. Jawapan Disediakan Oleh: 1) Nama : Rosmahwati binti Ishak 2) Jawatan : Ketua Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Pembangunan Sosioekonomi dan Bantuan 4) No.Tel. : 03-26165993 Jawapan Disemak Oleh Jabatan:- 1) Nama : Norani Haji Mohd Hashim 2) Jawatan : Pengarah Perancangan dan Pembangunan Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan:- 1) Nama : Dato' Meme Zainal Rashid 2) Jawatan : Ketua Pengarah JKM Jawapan Disemak Oleh Kementerian:- 1) Nama : Dato' Saripuddin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

